KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

Ketua Jabatan/ Agensi
Semua SUB dan Ketua Unit
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
Putrajaya

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
BILANGAN 5 TAHUN 2010

ARAHAN PENGEMASKINIAN SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Bahagian dan Unit di Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) tentang keperluan pengemaskinian aplikasi Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (*Human Resources Management Information System* –HRMIS).

2. LATAR BELAKANG

2.1 HRMIS adalah Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia yang bersepadu, dimudahcarakan oleh teknologi yang menggabungkan amalan terbaik pengurusan sumber manusia global. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk melaksanakan HRMIS secara menyeluruh di semua kementerian dan jabatan, mulai tahun 2010 pelaksanaan HRMIS dijadikan salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kepada semua Ketua-Ketua Jabatan Sektor Awam. Oleh yang demikian, di peringkat pengurusan tertinggi, pelaksanaan HRMIS dipantau melalui Mesyuarat Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) dan Mesyuarat *Flagship Coordination Committee* (FCC) yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Tan Sri KSN.

3. PELAKSANAAN

3.1 Semua Ketua Unit dan Setiausaha Bahagian di Kementerian dan Ketua Jabatan serta Ketua Agensi di bawah KKLW perlu memastikan setiap pegawai/anggota sentiasa mengemaskinikan data di dalam sistem aplikasi HRMIS. Langkah ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk melaksanakan sistem Pengurusan Sumber Manusia dalam Perkhidmatan Awam yang menghasilkan pekerja yang berprestasi tinggi bagi merealisasikan

transformasi pengurusan sumber manusia yang bersepadu dalam Kerajaan Elektronik.

4. PENGUATKUASAAN

4.1 Surat Pekeliling Ketua Setiausaha ini berkuat kuasa serta merta dari tarikh ianya dikeluarkan. Surat Pekeliling Ketua Setiausaha ini juga hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2005, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 2007, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 2008 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 20 Tahun 2008.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Komuniti Berdaya Desa Berjaya"

Sekian, terima kasih.

DATUK ABD JABAR BIN CHE NAI

Tarikh : 23 Jun 2010

Rujukan : KKLW.SM.100-4/3 (39)